

Bahaya Cecair Pencuci Tangan di Rumah dan Tempat Kerja September 2020



Lecuran disebabkan oleh api dari pencucuhan cecair pencuci tangan

Seorang pekerja menggunakan cecair pencuci tangan berasaskan alkohol, menurut cadangan semasa untuk kebersihan diri dari COVID-19.

Selepas menggunakannya, tetapi sebelum cecair pencuci tangan tersejat dan dikeringkan sepenuhnya, individu tersebut menyentuh permukaan logam di mana penumpukan cas statik menghasilkan sumber pencucuhan. Cecair pencuci tangan ternyata, menghasilkan api yang hampir tidak boleh dilihat di kedua belah tangan. Individu itu berjaya memadamkan api tetapi mengalami lecuran tahap 1 dan 2.

Sumber: International Association of Oil & Gas Producers (IOGP) Alert 314 IOGP Safety. (<https://safetyzone.iogp.org/>).

Terdapat juga kes di mana tidak lama selepas menggunakan cecair pencuci tangan, orang tersebut menyalakan sebatang rokok dan tangannya diliputi api.

Adakah anda tahu?

- Terdapat cecair pencuci tangan berasaskan alkohol dan mudah terbakar dengan takat kilat pada 62 hingga 80°F (16.6 hingga 26.7°C). Setelah berada di atas takat kilat, wap itu hanya memerlukan sumber pencucuhan untuk mulai terbakar.
- Kebanyakan cecair pencuci tangan mempunyai Helaian Data Keselamatan (SDS) yang menyenaraikan bahaya dan langkah berjaga-jaga termasuk titik kilat.
- Tangan yang basah dengan cecair pencuci tangan berasaskan alkohol boleh dinyalakan oleh percikan statik atau sumber pencucuhan lain. Manusia boleh membawa cas statik yang cukup untuk menyalakan bahan mudah terbakar.
- Api alkohol menyala dengan api biru terang yang sukar dilihat. Air dapat memadamkan api alkohol dengan cepat.
- Terdapat cecair pencuci tangan mengandungi metanol atau metil alkohol¹ yang mudah terbakar dan beracun. **Jangan gunakannya pada kulit anda!**

1. <https://www.fda.gov/drugs/drug-safety-and-availability/fda-updates-hand-sanitizers-methanol>

Apa yang boleh anda lakukan?

- Apabila menggunakan losyen atau pencuci tangan berasaskan alkohol, biarkan ianya kering sepenuhnya sebelum melakukan tugas lain yang mungkin menyalakannya.
- Baca SDS untuk semua bahan yang anda kendalikan walaupun bahan yang kelihatan tidak berbahaya.
- Simpan pencuci tangan berasaskan alkohol mengikut SDS dan jauh dari sumber cahaya dan haba yang dapat meningkatkan kemudahbakaran dan mengurangkan keberkesannya.
- Kongsi maklumat ini dengan keluarga dan rakan anda agar mereka tidak mengalami kejadian yang sama.

Kendalikan semua bahan dengan selamat, bahkan yang untuk menjaga keselamatan anda!!